

CNS0428

U GB 25-11 00160 BH593

AAB

Mahathir - Hudud (Bergambar)  
PAS JADIKAN HUDUD ISU POLITIK, KATA PM

PEKAN, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kerajaan negeri Kelantan sengaja mengemukakan rang undang-undang hukum hudud di Dewan Undangan Negeri untuk dijadikan isu politik walaupun tahu langkah itu mungkin bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, ini kerana kerajaan Kelantan meneruskan niat mereka walaupun mereka sendiri percaya "kita tidak akan benarkan dia melaksanakannya."

"Itu boleh dijadikan isu politik semasa pilihan raya dengan menyatakan bahawa PAS mahu melaksanakan hukum hudud tetapi tidak dibenarkan Kerajaan Pusat," katanya di sini, hari ini.

"Sedangkan dia tahu dia tidak boleh buat... dia buat juga sebab hendak cari isu politik. Itu betul-betul PAS-lah."

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai tindakan kerajaan Kelantan mengemukakan Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993, termasuk hukum hudud, di Dewan Undangan Negeri semalam. Rang undang-undang itu diluluskan hari ini. -- Lagi.

▼25/11/18-57MST

U GB 25-11 00215 BH596

AAB

Mahathir - Hudud 2 (Akhir) Pekan

Kerajaan Persekutuan perlu mengkaji terlebih dahulu perkara-perkara yang dikemukakan kerajaan Kelantan untuk mengetahui sama ada ia benar-benar mengikut kehendak agama atau cuma satu helah politik, katanya.

Sebagai contoh, katanya, Kerajaan Pusat mahu tahu sama ada kerajaan Kelantan mengambil kira keadaan di Malaysia secara keseluruhannya kerana terdapat perbezaan perlaksanaan bagi kawasan yang mempunyai 100 peratus penduduk Islam dengan yang bukan sepenuhnya didiami masyarakat Islam.

Dr Mahathir kesal ketika kerajaan berusaha untuk menjadikan umat Islam sama kuat dengan bukan Islam bagi memastikan mereka tidak ditindas, masih ada golongan yang mahu menonjolkan Islam sebagai agama yang susah.

"Kita hendak jadikan orang Islam sama kuat dengan bukan Islam dan tidak ditindas seperti di Bosnia, tetapi dia kira yang ini. Dia pedulikan orang di Bosnia mati ke, disembelih ke, apa dia peduli."

Keadaan ini, katanya, amat berbeza dengan Kerajaan Persekutuan yang bukan sahaja memikirkan mengenai penghantaran askar ke Bosnia tetapi juga peralatan yang perlu dikirimkan seperti kenderaan perisai DRB Pinzgauer yang dilancarkan hari ini.

"Dia tidak peduli kerana di sini ada tentera di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) yang boleh melindungi mereka. Benda yang kita hendak buat, yang baik untuk agama Islam, dia tidak mahu ikut." -- Bernama.

JO SJ KAM.